



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

12 JUN 2024 (RABU)

## Terengganu keluar 873 permit sembelih lembu korban

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	34	12 Jun

# Terengganu keluar 873 permit sembelih lembu korban

**KUALA TERENGGANU:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu mengeluarkan 873 permit sembelihan luar melibatkan 2,053 ekor ternakan bagi ibadah korban tahun ini.

Pengaruhnya, Dr. Anun Man berkata, permintaan itu dijangka meningkat pada saat-saat akhir sambutan Hari Raya Aidiladha.

Menurutnya, JPV Terengganu juga meluluskan 65 permit pemindahan masuk ternakan ke negeri ini membabitkan 1,759 ekor ruminan sejak permohonan dibuka pada 26 Mei lalu.

Katanya, bekalan ternakan ibadah korban di Terengganu dijangka mencukupi antara 5,000 sehingga 7,000 ekor ruminan yang disediakan pembekal dengan 96 peratus daripadanya ternakan lembu.

"Selain itu, 106 pegawai teknikal dan 19 pegawai penguat kuasa akan ditempatkan di lokasi sembelihan bagi memastikan terna-

kan bebas daripada sebarang penyakit," katanya di sini, semalam.

Dalam pada itu, Anun menasihatkan umat Islam berhati-hati memilih haiwan ternakan bagi melaksanakan ibadah korban dengan mengelak membeli ruminan yang tidak pasti dari mana sumbernya.

Beliau berkata, daripada enam kes rampasan haiwan seludup sepanjang tahun ini, dua didapati positif *brucellosis*, iaitu penyakit zoonotik yang boleh menjangkiti manusia.

Jelasnya, JPV Terengganu turut mengesan peningkatan aktiviti penyeludupan ruminan dari negara jiran sekali gus menambah risiko jangkitan bukan sahaja kepada ternakan lain bahkan manusia.

"Sejak 2023, sebanyak 30 kes rampasan direkodkan bernilai lebih RM2.6 juta dan terbaru dua kes pada bulan lalu di Setiu dan Dungun kita mengesan kes penyakit zoonotik pada lembu dan kambing seludup," ujarnya.

## Lembu sado a popular choice

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	9	12 Jun

# Lembu sado a popular choice

Despite their five-figure price tag, they are sought after for Aidiladha

**BACHOK:** During Hari Raya Aidiladha, some celebrants seek out a particularly impressive sacrifice: the "lembu sado", which is a breed of cattle known for its size.

Breeder Noraimi Hasan, 53, known as Paksu Mie, explains why these hefty bovines are a popular choice, despite their five-figure price tag.

"Size is definitely a key factor," says Paksu Mie.

These cattle, he said, are prized for their meat as well.

Once cooked, it's said to be more tender and flavourful than that of regular-sized local cattle.

He said two out of nine gigantic cows on his farm, each weighing more than 700kg and priced at almost RM11,000, have already been sold to buyers in Kota Baru to be sacrificed on Aidiladha, which falls on June 17.

"It is not uncommon for buyers to come looking for gigantic cattle to be sacrificed on Aidiladha as the bigger the cattle, the more meat it will have, other than the fact that it is indeed tastier."

"Normally, lembu sado is sold for about RM1,300 to RM1,500 per part, depending on its size. Since it is big, it needs at least eight men to bring it down for slaughtering," he told Bernama when met at his house at Pantai Senok here.



**Prized cow:** Paksu Mie with one of his 'lembu Sado' at Pantai Senok in Bachok, Kelantan. According to him, the gigantic size of the cow is an attraction not only because of its larger size compared to local cows, but also because it tastes better and more tender when cooked. — Bernama

Paksu Mie has been breeding these behemoths for six years now. He focuses on Charolais and Limousin breeds, which fetch a higher price than local cattle.

He started with a modest investment of RM4,000 to buy a Charolais cow and the business has grown steadily.

"In order to ensure that these cows continue to bear calves, we resort to artificial insemination.

"This procedure is done using semen imported from France and Ireland, with the help of the

Veterinary Department," he said.

Paksu Mie said he allocated around RM10 per day for each of his cattle to be given bran and grass in the morning and evening with the quantity depending on their size.

"Among the constraints of rearing this type of cattle are the high cost of food in addition to the risk of contracting foot-and-mouth (FMD) disease.

"To reduce the risk of this infection, I make sure that each cow or bull is injected with the FMD

vaccine every three or four months which costs me around RM70," he said.

A cattle buyer, Mohd Izwan Seman, 31, said it has been an annual routine for him for the past three years.

"I've made it a tradition to purchase a lembu sado during Aidiladha.

"Although the price is more expensive than local cattle, I think it is worth it because the meat is abundant and can be distributed to more people," he said.

## Ample beef supply Raya Haji but demand falls short

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	9	12 Jun

## Ample beef supply for Raya Haji but demand falls short

By IMRAN HILMY  
imran@thestar.com.my

**BUKIT MERTAJAM:** The supply of mutton and beef for this year's Hari Raya Haji is sufficient but demand has been lukewarm.

Beef trader Mohamad Azhar Ahmad, 64, observed that demand was slow despite sufficient supply of beef and mutton for the festive season.

"One of the reasons could be that Hari Raya Haji is more subdued and not celebrated on a grand scale like Hari Raya Puasa.

"And on the day of Raya,

Muslims get korban (sacrificial) meat from their respective areas," he said when met at a wet market here on Monday.

Mohamad Azhar said he sells fresh meat at RM41 per kg, while frozen meat is available at RM22 to RM24 per kg.

Mazham Abdul Jalil, 53, a frozen meat seller, said the supply of imported frozen beef is enough for this Hari Raya Haji.

"Sales of imported frozen meat are as usual.

"People seldom buy frozen meat during this festive time, as there will be fresh meat available

from the korban ceremony on the day of Raya," he said.

Mazham explained that the price of frozen meat from India, New Zealand and Australia is between RM22 and RM26 per kg.

Fresh mutton meat seller K. Nadarajah Pillay, 60, who sells halal mutton meat at the Bukit Mertajam market, said sales were as usual.

"It is normal during this period as most of my Muslim customers don't buy beef or mutton during Hari Raya Haji," he said.

Nadarajah Pillay said there is

ample supply of mutton and he does not expect any shortages for the next couple of months.

He noted that the price of mutton has so far not increased, with a kilogramme of the meat being sold at RM60.

Chicken trader Nurkhairun Nadzirin Norzihad, 30, however, was shocked to learn that the price of chicken per kilogramme had increased by 20 sen.

"There is enough supply, so why the sudden increase in price?" he asked.

Nurkhairun said the price of chicken before this was only

RM10.80 per kg and the increase could be due to the hike in the price of diesel.

He said he feared the price of chicken may increase further as chicken suppliers could cite an increase in operational costs, such as a higher diesel price, as they usually use four-wheel-drive vehicles to distribute their chicken supply to traders.

"I just hope the chicken price will not be affected and remain stable," he said.

Muslims in Malaysia will celebrate Hari Raya Haji this coming Monday.

## Tempahan merosot hingga 40 peratus

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	2	12 Jun

# Tempahan merosot hingga 40 peratus

Harga lembu tempatan di ladang masih rendah namun permintaan untuk Hari Raya Korban menurun

SHAH ALAM

Penternak dan pembekal haiwan ternakan di beberapa negeri gusar permintaan terhadap lembu, kerbau dan kambing tempatan untuk ibadah korban tahun ini turun mendadak ketika sambutan Hari Raya Aidiladha tinggal lima hari sahaja lagi.

Jurucakap Persatuan Jurusuntik Permanian Beradas Kelantan, Naharizan Abdul Rahim berkata, pada tahun ini tempahan lembu berkurang sebanyak 40 peratus di negeri itu berbanding 2023.

Menurutnya, penternak di Kelantan setakat ini hanya dapat menjual sebanyak 1,780 ekor lembu sahaja berbanding 2,800

ekor tahun lalu.

"Itu jumlah lembu korban yang dapat dijual di seluruh Kelantan. Saya agak terkejut dengan angka tersebut walaupun ternakan itu dijual lebih murah sekitar RM4,000 ke RM4,300 seekor."

"Tahun lalu, lembu korban dijual pada harga RM4,500. Pengurangan harga sebanyak RM200 itu dilakukan kerana permintaan kurang daripada pelanggan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Naharizan memberitahu, orang ramai memiliki tanggapan bahawa lembu kini dijual pada harga yang tinggi ekoran kos ternakan yang meningkat.

Katanya, memang benar kos naik, namun harga jualan lembu juga dipengaruhi oleh permintaan dan penawaran.

"Kalau permintaan rendah dan penawaran tinggi, maka penternak perlu menjual pada harga yang rendah untuk menarik orang ramai membelinya. Walaupun dijual pada harga rendah sedikit, kami masih beroleh keuntungan," ujarnya.



NAHARIZAN

SHAWALRUDIN



Lembu korban dijual pada harga bermula RM4,000 seekor tahun ini.

Penyelaras Penternak Lembu Hibrid Sado Selangor, Shawalrudin Nawawi pula berkata, lembu hibrid sado bagi ibadah korban masih mendapat permintaan namun tidak banyak seperti tahun-tahun sebelum ini.

"Setakat Selasa (semalam), lembu hibrid sado di Selangor hanya dapat dijual kurang daripada 20 ekor yang beratnya dalam 500 kilogram (kg) ke 800kg," katanya.

Shawalrudin berkata, lembu sado dijual bermula dari harga RM10,000 hingga RM16,500 dan boleh mencapai RM20,000 jika berat lembu mencecah satu tan.

Shawal memaklumkan, kebanyakannya penternak lembu sado turut menjual lembu biasa kerana mahu bertahan lama.

"Ingin saya kongsikan bahawa mereka (penternak) turut ber-

hadapan dengan kemerosotan jualan lembu biasa tempatan bagi ibadah korban kali ini," ujarnya.

Di TEMERLOH, penternak lembu di Kampung Paya Keladan, Mohd Faizal Said, 42, berkata, permintaan terhadap lembu korban tahun ini adalah lebih teruk berbanding semasa Perintah Kawalan Pergerakan akibat Covid-19 dahulu.

"Permintaan menurun lebih 40 peratus laju hanya 45 ekor lembu yang ditempat berbanding 73 ekor tahun lalu.

"Sejak bergelar penternak pada 2018, tahun ini paling terjejas. Untuk tempahan ikut bahagian pun turut menurun, enam ekor berbanding 11 ekor tahun lalu. Saya sudah jangka situasi kali ini berikutkan lambakan lembu seludup dari Thailand yang lebih murah selain faktor ekonomi rakyat," katanya.

Ujarnya, tahun ini juga dia tidak mendapat permintaan daripada warga asing seperti Bangladesh yang sebelum ini setiap tahun membuat korban.

## Baru dapat jual lima ekor kambing sahaja

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	2	12 Jun

**'Baru dapat jual lima ekor kambing sahaja'**



Zuriati yang mengusahakan ternakan kambing terkesan dengan lambakan kambing import yang dijual murah di pasaran tempatan.

**TAIPEI** - Lambakan kambing import yang dijual murah di pasaran menyebabkan permintaan terhadap ternakan tempatan untuk dijadikan haiwan korban sempena Aidiladha merosot.

Penternak, Zuriati Mohd Zabidi, 56, berkata, penurunan ketara itu dapat dilihat apabila syarikatnya hanya menerima tempahan sebanyak lima ekor kambing berbanding 30 ekor tahun lalu.

"Keadaan ini berbeza berbanding tahun 2021 dan 2022 apabila jualan kambing mencatatkan antara 40 hingga 50 ekor untuk ibadah korban.

"Harga jualan tempatan sekitar RM850 hingga RM1,500 seekor mengikut baka kerana kita menjaga kualiti dan mengikut garis panduan ditetapkan untuk dijual.

"Berbeza dengan kambing import, ia dijual jauh lebih murah pada harga RM350 seekor yang dipercayai sudah berusia dan tidak ditentukan kesihatannya," katanya.

Menurut anak jati Pondok Tanjung ini, pilihan pelanggari menjalani ibadah korban menerusi aplikasi dalam talian atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mengendalikan program di luar negara turut menyumbang kerosotan penjualan kambing tempatan.

"Sabar tahun pembelian kambing tempatan semakin berkurangan. Kita tidak salahkan pelanggan kerana mereka ada pilihan yang mesra poket.

"Bukan saya seorang sahaja mengalami kekurangan tempahan untuk membuat korban malah rakan-rakan saya di tempat lain turut terkesan," katanya.

Zuriati yang mengusahakan ternakan kambing baka Boer dan Kalahari sejak 2008 kini bekerjasama dengan pengusaha katering dan menghasilkan produk sejuk beku kambing perap untuk terus bertahan dalam industri ternakan tempatan.

## Lembu sado harga kayangan jadi pilihan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	4	12 Jun

# Lembu sado harga kayangan jadi pilihan

Daging lebih banyak,  
rasa lebih sedap  
apabila dimakan

BACHOK

**M**emiliki keistimewaan tersendiri membuatkan lembu sado menjadi pilihan untuk dikorbankan pada Aidiladha meskipun ditawarkan pada 'harga kayangan' sehingga menccah puluhan ribu ringgit sekor.

Penternak lembu sado, Noraimi Hasan, 53, atau lebih mesra dikenali Paksu Mie berkata, lembu bersaiz gergasi itu menjadi tarikan bukan sahaja disebabkan saiznya bahkan dagingnya lebih enak serta empuk apabila dimasak.

Noraimi berkata, setakat ini dua daripada sembilan ekor lembu sado miliknya yang berharga hampir RM11,000 dengan berat melebihi 700 kilogram (kg) telah dijual kepada pembeli di sekitar jajahan Kota Bharu untuk Aidiladha yang akan disambut pada 17 Jun ini.

"Kebiasaan lembu ini dijual pada harga sekitar RM1,300 hingga RM1,500 untuk satu bahagian bergantung kepada saiz lembu. Memandangkan saiznya yang besar ia memerlukan kira-kira lapan orang untuk menumbangkan lembu itu," katanya ketika ditemui di sini.



Noraimi bersama antara lembu sado miliknya ketika ditemui di Pantai Senok, Bachok.

LAPORAN  
KHAS

LAPORAN  
MUKA  
DEPAN

Ber cerita lanjut, Noraimi yang berkecimpung dalam bidang ternakan lembu sado sejak enam tahun lepas berkata, beliau mula menternak lembu sado dari baka charolais dan limousine kerana harganya lebih tinggi berbanding lembu tempatan.

Beliau menggunakan modal sebanyak RM4,000 untuk membeli seekor lembu sado baka charolais bagi dijadikan induk sebelum ia membiak dan mampu memberi pulangan lumayan.

"Bagi memastikan pembiakan ternakan ini sentiasa ada, saya akan lakukan permanian berdasarkan dengan memasukkan benih untuk proses pembiakan. Prosedur ini dilakukan menggunakan benih yang di-

import dari negara Perancis dan Ireland.

"Saya akan dapatkan khidmat daripada kakitangan Jabatan Veterinar untuk melakukan proses berkenaan dan lembu betina itu akan bunting sekitar sembilan bulan selepas dimasukkan benih sebelum teknik berkenaan diulangi lagi selepas ia melahirkan anak," katanya.

Pembeli, Mohd Izwan Seman, 31, berkata, seakan menjadi rutin tahunan baginya sejak tiga tahun lepas memilih lembu sado untuk ibadah korban.

"Walaupun harganya lebih mahal berbanding lembu tempatan, namun saya berpuas hati dan merasakan berbaloi kerana daging yang diperoleh sangat banyak dan boleh diagihkan kepada ramai orang yang memerlukan," katanya. - Bernama

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	4	12 Jun

# 400 haiwan seludup dikesan ada penyakit

**KUALA TERENGGANU** -

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu baru-baru ini mengesan dua kes penyakit brucellosis ke atas lebih 400 ekor lembu dan kambing yang dipercayai diseludup ke negara ini.

Pengarahnya, Dr Anum Man berkata, kes jangkitan brucellosis yang merupakan penyakit zoonotik boleh menjangkiti manusia itu merupakan yang pertama dikesan pihaknya, sejak saringan penyakit dilaksanakan terhadap ternakan seludup tahun lepas.

"Kes pertama melibatkan 300 ekor lembu yang ditangkap di Dungun pada bulan lepas (Mei) manakala kes kedua pula melibatkan 146 ekor kambing yang ditangkap di Setiu pada 23 Mei lalu.

"Kesemua haiwan yang disyaki diseludup dari Thailand itu telah disahkan positif jangkitan bru-

cellosis dan kita telah kuarantin kesemua haiwan terbabit," katanya.

Dr Anum berkata, jangkitan brucellosis boleh menjangkiti manusia menerusi susu haiwan yang tercemar dan sentuhan langsung melalui luka rembesan daripada haiwan berpenyakit.

Menurutnya, penyakit itu akan menyebabkan individu antara lain mengalami demam dengan suhu tinggi dan berpanjangan, sakit kepala, lemah seluruh badan dan pada peringkat kronik boleh menyebabkan jangkitan pada organ dalaman termasuk saluran kencing.

Sehubungan itu, beliau menasihati masyarakat terutama pada musim Hari Raya Aidiladha ini supaya berhati-hati memilih haiwan untuk dijadikan korban.

Katanya, antara ciri haiwan yang telah dibawa masuk ke negara ini secara tidak sah adalah dijual pada harga rendah berbanding pasaran. - Bernama

## Lembu Brahman banyak permintaan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	4	12 Jun

# Lembu Brahman banyak permintaan

**SHAH ALAM** - Pemintaan terhadap lembu korban di Selangor stabil ketika kebanyakannya pembekal dan peternak lembu di beberapa negeri berhadapan masalah kurang menerima tempahan, sempena Aidiladha.

Seorang pembekal lembu dari Banting, Roslinda Ariffin, 45, berkata, dia mampu menjual lebih 1,000 lembu bersaiz besar jenis Brahman sehingga Rabu minggu lalu.

Beliau berkata, baka lembu jenis itu mendapat permintaan tinggi untuk ibadah korban, namun tahun ini permintaan lembu baka tempat-

an jenis KK Cros yang saiznya lebih kecil kurang mendapat sambutan.

“Bukan sebab harga lembu itu naik, harga lembu untuk ibadah korban tahun ini masih sama seperti harga tahun lalu, jika ada pun kenaikan atau penurunan harga lembu korban mungkin berlaku di beberapa kawasan sahaja.

“Lembu lebih kecil yang berharga kira-kira RM4,000 seekor kurang sambutan apabila harga satu bahagian korban tahun ini mencecah RM850 ke atas dengan anggaran seekor lembu RM5,000 dan ke atas,” katanya.

## Jualan kerbau agak perlahan tahun ini

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	4	12 Jun

**Jualan kerbau agak perlahan tahun ini**

**KUANTAN** - Tempahan kerbau untuk ibadah korban sempena Hari Raya Aidiladha tahun ini hanya mencecah 30 peratus penjualan.

Penternak kerbau dan lembu, Muhammad Faris Aiman Yusoff, 24, berkata, angka ini jauh lebih rendah berbanding tahun sebelumnya.

"Permintaan kerbau sangat sedikit ini mungkin disebabkan bilangan besar penduduk di daerah Kuantan yang berasal dari Kelantan dan Terengganu, jadi mereka kurang gemar makan daging kerbau."

"Lagipun, daging kerbau ini uratnya kasar dan lebih sesuai untuk masakan opor berbanding daging lembu boleh dijadikan gulai dan di-

goreng," katanya kepada *Sinar Harian*.

Anak bongsu daripada tujuh beradik itu memberitahu walaupun jualan kerbau perlahan, namun dia masih mampu menjual lebih 170 lembu tempatan Kedah-Kelantan termasuk lembu sado baka Brahaman dan Charolais serta Bali.

Jelasnya, ternakannya akan diaghid selewat-lewatnya sehari sebelum Aidiladha.

"Kali ini saya membekalkan lembu kepada sembilan masjid dan beberapa individu di daerah ini."

"Mereka membuat pembelian antara 10 hingga 18 ekor lembu selepas berpuas hati dengan per-

khidmatan yang disediakan sejak dua tahun lalu," ujarnya.

Muhammad Faris Aiman yang berkelulusan Politeknik Jeli, Kelantan berkata, tawaran harga berpatutan dan perkhidmatan penghantaran percuma menjadi kelebihan ternakan kerbau serta lembu mendapat permintaan daripada pelanggan.

"Saya hanya meletakkan harga RM4,500 hingga RM6,500 untuk seekor kerbau manakala lembu pula sekitar RM4,000 hingga RM6,500."


"Selain itu, saya memastikan ternakannya saya dalam keadaan sihat dan memberi makanan mencukupi sebelum diaghid kepada pembeli," ujarnya yang mempunyai empat pekerja.



Muhammad Faris Aiman meletakkan harga RM4,500 hingga RM6,500 untuk seekor kerbau.

## Penternak bimbang kejadian curi haiwan ternakan "Kami berjaga malam elak lembu dikebas"

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	13	12 Jun



AZALIMIN menjaga lembu ternakan di kandang di Kampung Peringat, Kota Bharu semalam. - ROHANA MOHD. NAWI

Penternak bimbang kejadian curi haiwan ternakan

# 'Kami berjaga malam elak lembu dikebas'

Oleh ROHANA MOHD. NAWI

**PASIR MAS** — Kebimbangan mula dirasai para penternak di daerah ini dengan ancaman kejadian curi lembu terutamanya menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha tidak lama lagi.

Situasi itu menyebabkan rata-rata penternak terpaksa berjaga malam untuk memastikan lembu ternakan yang telah ditempar orang ramai untuk ibadah korban tidak dikebas pencuri.

Menurut mereka, kegiatan mencuri lembu korban mula berlaku sejak beberapa minggu kebelakangan ini dan harga yang ditawarkan pihak terbabit jauh lebih murah berbanding dengan harga yang dijual oleh penternak.

Seorang penternak dikenali sebagai Miji, 38, berkata, keba-

nyakan penternak memilih untuk berjaga malam kerana bimbang lembu mereka hilang dari kandang.

Menurutnya, kesemua lembu yang ada di kandang adalah untuk dijual selain tempahan yang belum dihantar kepada pembeli di sekitar negeri ini dan luar Kelantan.

"Saya difahamkan, kejadian mencuri lembu korban berlaku setiap tahun apabila Hari Raya Aidiladha semakin hampir."

"Pencuri akan masuk ke kampung menggunakan kereta atau lori untuk mengangkat lembu yang dicuri," katanya ketika ditemui Kosmo di sini semalam.

Miji berkata, untuk mengelak mereka menanggung kerugian, lembu yang sudah ditempar akan dihantar kepada pelanggan

setiap hari.

"Harga lembu korban berlaku sedikit kenaikan, namun saya terpaksa menjual harga seperti biasa kerana bimbang berlaku lambakan dan menanggung kerugian sebelum Hari Raya Aidiladha," katanya.

Seorang lagi penternak, Azalimin Hamzah, 40, berkata, dia terugian hampir RM10,000 apabila dua ekor lembunya dikebas pencuri tahun lalu.


"Mulai minggu ini, saya terpaksa berjaga malam kerana bimbang kejadian tahun lalu berulang.

"Tahun ini saya harap tidak alami kerugian lagi dan dalam tempoh seminggu sebelum Hari Raya Aidiladha, pencuri aktif masuk kampung untuk mencuri lembu penduduk," katanya.

## 10 rumah sembelih JPV penuhi syarat ESCAS

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Online		12 Jun

### 10 rumah sembelih JPV penuhi syarat ESCAS



JPV menasihati penternak tempatan supaya tidak terbabit dengan aktiviti membawa masuk haiwan ternakan dengan cara salah.

Kuala Lumpur: Sempena Aidiladha, 27 rumah sembelih Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) di seluruh Semenanjung sedia untuk beroperasi dan 10 daripadanya sudah memenuhi syarat *Export Supply Chain Assurance System* (ESCAS) bagi tujuan penyembelihan ternakan import dari Australia.

Pada kenyataan kepada Harian Metro, JPV berkata, penyembelihan yang dijalankan di luar rumah sembelih, sebagai contoh masjid, sekolah, taman perumahan dan lain-lain diberi kebenaran melalui permohonan permit penyembelihan luar.

Katanya, permit penyembelihan luar juga boleh dipohon di JPV negeri, daerah dan rumah sembelih JPV.

"JPV juga sudah menerbitkan Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban untuk dijadikan panduan. Ia mengambil kira aspek kebijakan haiwan, keselamatan makanan dan undang-undang, peraturan mengenai pemantauan ternakan korban, premis penyembelihan, operasi penyembelihan serta pengurusan sisa ternakan untuk mengelakkan risiko jangkitan penyakit zoonotik.

"Syarat-syarat perlu dipatuhi oleh rumah-rumah penyembelihan dan di luar rumah sembelih mengikut perundangan.

"Manakala, penyembelihan di luar rumah penyembelihan diluluskan atau dilesenken perlu mendapat permit penyembelihan luar seperti yang dinyatakan dalam Kaedah 13 (1) (a) (b) (c) (d), Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, JPV mewajibkan lesen rumah sembelih swasta dan juga permit sembelihan luar bertujuan bagi kawalan penyakit berjangkit daripada merebak, kawalan pencemaran dan memastikan karkas/daging yang dikeluarkan untuk kegunaan orang awam adalah selamat untuk dimakan.

JPV berkata, Permit Sembelihan Luar (PSL) boleh dimohon dua minggu sebelum Aidiladha sehingga 20 Jun ini (13 Zulhijjah 1445H).

"Lesen rumah sembelih swasta boleh dipohon dengan mengisi borang permohonan di <https://www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/1982>

"Bagi permohonan permit sembelihan luar, pemohon perlu merujuk Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah ketika mendapatkan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) ternakan bagi lokasi pengeluaran permit sama ada perlu dimohon di Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah atau Rumah Sembelih Jabatan yang terdekat," katanya.

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR